

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI

**PROSEDUR PRA KONTRAK
UNTUK SYARIKAT SWASTA
(NEGARA PROPERTIES (M) BHD.)**

MASFARIZAN MASLAN

**Laporan Dikemukakan Kepada :
JABATAN UKUR BANGUNAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**
Kertas projek ini merupakan salah satu keperluan
kursus untuk bergraduat dan mendapat
**Diploma Ukur Bangunan dari
Universiti Teknologi Mara**

DISEMBER 1999 – MEI 2000

PENGHARGAAN

Ucapan setinggi- tinggi terima kasih saya ucapkan kepada pihak- pihak yang terbabit dalam membantu saya menyiapkan laporan latihan amali ini serta memberi peluang dan kemudahan tempat untuk saya menjalani latihan amali di Negara Properties (M) Sdn. Bhd. Terutamanya kepada Jabatan CTSD (Contract, Technical & Services Department) amnya ,majikan saya iaitu En. Zaharin Hj. Latip dan Pn. Nita Azura khususnya kerana sudi memberikan tunjuk ajar dan ilmu pengetahuan kepada saya sepanjang tempoh saya menjalani latihan amali di sana. Tidak lupa juga kepada koordinator amali iaitu En Ghazali Mohd Amin dan pensyarah pengawas saya iaitu Pn. Julaidah Kaliwon serta pensyarah- pensyarah yang lain kerana banyak memberikan nasihat serta tunjuk ajar kepada saya selama ini. Turut berterima kasih kepada kedua ibubapa serta ahli keluarga saya yang memberikan dorongan kepada saya semasa saya menyiapkan naskah laporan latihan amali ini. Tanpa bantuan daripada pihak yang terlibat, tentu saya tidak dapat menyiapkan buku ini. Hanya ucapan terima kasih dapat saya ucapkan di atas kerjasama pihak - pihak yang terlibat.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

- **Penghargaan** i
- **Pendahuluan** ii
- **Isi Kandungan**
- **A.1 Latar Belakang Tempat Amali** 1 - 15
 - Sejarah Negara Properties (M) Bhd.
 - Latar belakang Negara Properties (M) Bhd.
 - Pengurusan Pembinaan
 - Pengurusan Hartanah
 - Struktur Organisasi
 - Ahli- ahli Lembaga Pengarah

PRA KONTRAK

- **Carta Prosedur Pra Kontrak**
- **B.1 Garis Panduan Perancangan Kerja** 16 - 18
- **B.2 Pemilihan Pihak Konsultan** 17 - 20
- **B.3 Mesyurat perunding** 21 - 24
- **B.4 Kajian Kemungkinan & Perancangan Kos** 25 - 38
 - kajian kemungkinan
 - anggaran kos
 - kaedah menggunakan anggaran kasar
 - kaedah keluasan lantai bangunan

- kelebihan kaedah keluasan lantai bangunan
- kekurangan kaedah keluasan lantai
- penentuan kos satu meter persegi untuk bangunan

• **B.5 Prosedur Penawaran Tender** **39 - 46**

- jenis penawaran tender
- kebaikan tawaran terpilih
- kelemahan tawaran terpilih

• **B.6 Dokumen Tender** **47 - 52**

- pembayaran dokumen tender
- deposit tender

• **B.7 Penyediaan Dokumen Tender** **53 - 61**

- surat tawaran tender
- surat jemputan tawaran
- arahan kepada pihak Kontraktor
- syarat - syarat tawaran tender
- Spesifikasi
- Senarai Kuantiti
- Lukisan
- Surat penerimaan tawaran

SEJARAH NEGARA PROPERTIES (M) BERHAD

Negara Properties (M) Berhad (NPMB), dahulunya dikenali sebagai Kundong Tanjung Pau Ltd (KTP) ditubuhkan pada 22hb April 1959 di bawah Ordinan Syarikat 1940-1946. Syarikat ini ditubuhkan hasil penggabungan Ladang Getah Tanjung Pau Berhad (Tanjung Pau Rubber Estate Limited) dan Ladang Kundong Berhad (Kundong Estate Limited) yang mana kedua-duanya mempunyai ladang getah berdekatan dengan Jitra, Kedah dan Tangkak, Johor.

Syarikat ini kemudiannya mempelbagaikan produk pengeluaran dengan mengusahakan ladang kelapa sawit pada 1971. Pada tahun 1983, Kundong Tanjung Pau Ltd (KTP) telah berpecah yang mana Ladang Getah Tanjung Pau tidak lagi di bawah syarikat yang sama. Dengan perpecahan tersebut, hanya tinggal 422.6 hektar ladang getah dan kelapa sawit sahaja di Tangkak, Johor untuk diusahakan.

Syarikat Kundong Tanjung Pau Berhad telah disenaraikan di Papan Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE) dan Singapore Stock Exchange (SSE) pada 23hb Januari 1963, tetapi akhirnya ia telah dikeluarkan dari senarai Singapore Stock Exchange (SSE) apabila wujudnya Polisi Kebangsaan Malaysia.